



[Home](#) / [2025](#) / [June](#) / UiTM Rangkul 2 Anugerah di Malaysia Landscape Architecture Awards ke-15 (MLAA15)

GRU2025

19/06/2025 / LAR. DR. MOHD ZAHID MOHD SALEH



Kuala Lumpur, 24 Mei 2025 – Renaissance Kuala Lumpur menjadi pentas kepada malam penuh gemilang sempena Majlis Penganugerahan Malaysia Landscape Architecture Awards ke-15 (MLAA15) anjuran Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM). Acara ini mengiktiraf sumbangan cemerlang dalam bidang senibina landskap menerusi pertandingan dalam 12 kategori utama, termasuk projek inovatif, pemuliharaan, dan rekaan berasaskan alam semula jadi.

Majlis dirasmikan oleh YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Kemampanan dan Perancangan Strategik), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Turut hadir ialah barisan tokoh penting termasuk Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Bandar Shah Alam, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, serta Presiden ILAM, menyatakan sokongan mereka terhadap usaha memperkasa industri landskap Malaysia.

Tahun ini, MLAA15 mengangkat tema *Nature-Based Solutions (NBS)* dan *Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030)* sebagai tonggak penilaian. Antara pencapaian tertinggi, Wetlands Arboretum oleh Gamuda Cove Gamuda Land Sdn. Bhd. telah dinobatkan sebagai *Project of The Year*, manakala Bandar Bukit Raja Wetland Townpark oleh Sime Darby Property (Bukit Raja) Sdn. Bhd. menerima *President Award*. Kedua-dua syarikat turut menerima anugerah tambahan dalam kategori *Conservation and Preservation* dan *Nature-Based Solutions*.

UiTM Rangkul 2 Anugerah di Malaysia Landscape Architecture Awards ke-15 (MLAA15) – UiTM NewsHub
Kejayaan turut dimeriahkan oleh pencapaian cemerlang dalam kategori pelajar. Ania Nursania binti Zulkifle, pelajar Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap dari UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, menewaskan 18 pencabar lain dari institusi awam dengan projek bertajuk “*Empowering Learning through Experiential Landscape*”, sekaligus merangkul *MLAA Excellence Award*. Turut menerima pengiktirafan ialah Muhammad Raeizlan bin Rahim menerusi projek “*River Vista: Detoxifying the Flow Sungai Kim Kim*”, yang diiktiraf dengan *MLAA Honour Award*.

Penganugerahan ini menjadi bukti kualiti pendidikan dan latihan dalam bidang senibina landskap, khususnya di UiTM, serta memperkukuh kebolehpasaran graduan dalam industri yang semakin kompetitif. Pengiktirafan ini dijangka memberi motivasi kepada pelajar lain untuk terus berusaha dan mencipta impak dalam landskap negara.



Tags: [Pencapaian Ania Nursania \(IAD\)](#), [Malaysia Landscape Architecture Awards ke-15 \(MLAA15\)](#), [UiTM Cawangan Selangor](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

< Klinik Bimbingan Kerjaya Perkasa Soft Skills
Mahasiswa UiTM Jengka

Pensyarah UiTM Garap Perspektif Profesional dalam
WLAM2025 Bertemakan Kelestarian dan Inklusiviti >

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress